

PENGUTIP HUTANG MENYAMAR PEGUAM

Meski pun secara amnya ke banyakan ejen pengutip hutang menjalankan tanggung jawab mereka secara profesional, namun ada yang sanggup menggunakan taktik licik dan keji dengan memaksa peminjam membayar hutang untuk mendapatkan komisen.

Peguam, Muhammad Akram Abdul Aziz berkata, isu melibatkan pengutip hutang bukan sesuatu yang asing dalam dunia guaman kerana ramai pernah mengalaminya malah ada insiden membabitkan anak guamnya hampir ditipu ejen pengutip hutang.

Menurutnya, anak guamnya memberitahu dia dihubungi seorang lelaki yang mengaku sebagai peguam dan mewakili pihak pemiutang yang pernah memberikan pinjaman kepada beliau.

"Lelaki tersebut secara kasar mengarahkan anak guam saya hadir ke alamat rumahnya untuk tujuan melong hartanah, perabot dan kereta sekiranya 'hutang' tidak dibayar kepada mereka selaku proksi pemiutang dalam tempoh 24 jam dari tarikh tersebut.

"Apa yang membuatkan anak guam saya musykil ialah dia sebelum ini sudah menyertai skim pembayaran semula hutang di bawah program kendalian Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), dan skim ini juga



MUHAMMAD AKRAM

dipersetujui oleh pihak pemiutang di mana pembayaran semula dibuat setiap bulan sebelum menerima panggilan telefon daripada lelaki tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Kerana khuatir, anak guam Muhammad Akram merujuknya untuk mendapatkan nasihat dan memberikan nombor telefon lelaki tersebut.

"Saya membuat carian di laman *google* dengan memasukkan butiran telefon itu dan agak mengejutkan apabila didapati nombor telefon tersebut dimiliki sebuah syarikat ejen pengutip hutang dan bukannya pejabat guaman.

"Saya menelefon nombor tersebut dan dijawab seorang lelaki. Saya memperkenalkan diri sebagai peguam yang mewakili anak guam saya. Suara lelaki itu agak gugup dan menafikan perkara yang berlaku sebelum ini. Dia juga memohon maaf dan menyatakan berlaku salah faham dan perkara itu tidak akan berlaku lagi," katanya.

Sementara itu, Muhammad Akram menjelaskan, orang ramai tidak sedar bahawa tidak mudah untuk pemiutang melong hartanah atau harta milik mereka.

Katanya, bagi hartanah yang dicagarkan secara gadaian atau serahan hak kepada pihak pemiutang, terdapat prosedur ketat yang perlu dituruti pihak pemiutang sama ada di bawah kontrak atau di mahkamah.

"Proses lelongan juga tiada kena mengena dengan ejen pengutip wang dan mereka tiada sebarang kuasa melong hartanah bagi pihak pemiutang. Sekiranya berlaku situasi di mana ejen pengutip hutang hadir di premis atau kediaman penghutang, sebenarnya pihak penghutang mempunyai hak untuk tidak memberikan kebenaran masuk ke dalam premis atau kediaman mereka. Sekiranya ejen tersebut berdegil, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap ejen tersebut oleh penghutang.

"Bagi harta lain seperti kereta, perabot dan lain-lain terdapat prosedur untuk pemiutang mengambilnya dan melongnya. Ia tidak mudah untuk hadir ke rumah, ambil barang, dan lelong keesokan harinya seperti yang dimomokkan segelintir ejen pengutip hutang. Notis perlu diisukan oleh pemiutang, dan bergantung kepada situasi, perintah mahkamah juga perlu diambil oleh pemiutang sebelum mereka dapat membuat lelongan. Lazimnya, wakil pemiutang dan bailif mahkamah yang akan hadir ke premis atau kediaman, bukannya ejen pengutip wang," katanya.



Pemungut hutang perlu ikut panduan

INSTITUSI perbankan yang melantik syarikat atau agensi pemungut hutang untuk berkhidmat dengan mereka dikehendaki mematuhi garis panduan yang ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM).

Menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada 2015, Kementerian Kewangan memaklumkan, BNM menetapkan satu garis panduan amalan pengutipan hutang yang adil.

"Garis panduan berkenaan meminta institusi perbankan untuk bertanggungjawab dalam memastikan pemungut hutang yang dilantik mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

"Antara lain, garis panduan tersebut memperuntukkan pemungut hutang hendaklah sentiasa mengamalkan tingkah laku beretika dan tidak dibenarkan menggunakan kekerasan serta kerap mengganggu peminjam.

Menurut Kementerian Kewangan, pemungut hutang tidak dibenarkan menggunakan kata-kata berunsur ancaman, kasar atau menakutkan.

"Pemungut hutang juga tidak boleh menyebabkan kecederaan anggota ke atas mana-mana peminjam atau pihak ketiga yang dikenali oleh peminjam.

"Menghubungi peminjam atau pihak ketiga yang dikenali peminjam menerusi telefon, bersemuka atau melalui bentuk komunikasi yang lain pada waktu yang tidak munasabah juga dilarang.

"Tidak boleh mengunjungi peminjam di tempat kerja melainkan dibenarkan oleh peminjam dan berusaha untuk mendapatkan pembayaran balik pinjaman daripada pihak ketiga yang dikenali oleh peminjam," katanya.

Jelasnya, sekiranya peminjam tidak berpuas hati dengan tingkah laku agensi pemungut hutang yang dilantik, peminjam boleh membuat aduan kepada institusi perbankan atau BNM.

"Institusi perbankan dikehendaki memastikan semua aduan ke atas agensi pemungut hutang disiasat dengan sewajarnya dan mengambil tindakan ke atas sebarang salah laku oleh agensi pemungut hutang.

"Dalam hal ini, BNM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap institusi perbankan terbabit, termasuk melarangnya daripada menyumber luar fungsi pungutan hutang mereka," katanya.



MOHD YUSOF

Institusi kewangan perlu bertanggungjawab

INSTITUSI kewangan dan bank yang melantik ejen pengutip hutang perlu lebih bertanggungjawab bagi memastikan penghutang tidak rasa ditindas.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, sepatutnya pekeliling Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan Amalan Kutipan Hutang yang Adil perlu diikuti pemungut hutang.

"Bank terikat dengan pekeliling tersebut, tetapi rasanya pemungut hutang tidak. Jadi, saya berharap institusi kewangan dan bank turut

menetapkan amalan tersebut kepada ejen yang dilantik mereka.

"Ini dapat mengelakkan sebarang bentuk kekerasan, ugutan dan gangguan yang tidak sewajarnya ke atas penghutang," katanya.

Beliau juga menyarankan kepada bank dan institusi kewangan mengendalikan pembayaran hutang dari pelanggan dan tidak menyerahkan kepada ejen.

"Ini bagi mengelakkan sebarang bentuk penipuan daripada berlaku. Banyak kes melibatkan penghutang terpaksa membayar berkali ganda hutang hanya disebabkan

kelicikan ejen tidak bertanggungjawab," katanya.

Justeru, beliau berharap pihak berwajib seperti BNM mengambil tindakan terhadap bank yang melantik ejen yang tidak mengikut garis panduan.

Mohd Yusof turut menyarankan kepada penghutang yang ditindas supaya melaporkan kepada pihak berkuasa dan BNM bagi mengelakkan tekanan ke atas mereka.

"Meskipun mereka berhutang, tetapi mereka perlu tahu hak agar tidak menjadi mangsa sesetengah ejen yang berlagak samseng," katanya.